



02 NOV, 2021

Kontrak pakar vaksin disambung



Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Kontrak pakar vaksin disambung

Kajang: Kerajaan bersetuju menyambung kontrak pakar penyelidik vaksin di universiti awam (UA) selama lima tahun lagi secara serta-merta bagi yang tamat tempoh perkhidmatan, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, langkah itu adalah usaha kerajaan memastikan kajian yang sedang dijalankan pakar dalam bidang berkaitan tidak terhenti separuh jalan atau disia-siakan.

Beliau berkata, kerajaan juga mahu memastikan bakat dalam kalangan pakar penyelidik tempatan tidak 'disambar' pihak asing, sekali gus mereka ini dapat kekal untuk menghasilkan kajian yang dapat memberi manfaat kepada negara.

"Saya berbincang dengan pakar kita bahawa kita mempunyai pakar ternama dan terbaik dunia. Misalnya pakar vaksin untuk kanser kepala dan leher. Kita ada ramai pakar yang terbaik.

"Hari ini selepas mereka tamat tempoh perkhidmatan dengan kerajaan di universiti apabila berumur 60 tahun, terserah kepada universiti sama ada untuk menyambung perkhidmatan mereka secara kontrak. Biasanya setahun ke setahun.

"Kalau setahun ke setahun, mereka tidak ada security (keselamatan) dari segi pekerjaan ataupun tugas yang mereka hendak laksanakan dan kita bimbang pakar kita yang terbaik ini jika kita tidak rasa jaminan dengan kerja. Mungkin akan diambil negara lain.

"Ada sesetengah itu sedang membuat penyelidikan.

"Kalau tidak disambung jadi mungkin akan menjelaskan kajian yang sedang dilakukan dan kalau disambung, pakar baharu mungkin akan memakan masa dari segi menjalankan kajian kerana pakar utama sudah tidak ada," katanya pada sidang media selepas melancarkan Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara (PPVN) serta Institut Genom dan Vaksin Malaysia (MGVI) di sini semalam.

Yang hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba; Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad.

Mengulas syarat dipertimbang untuk melanjutkan tempoh perkhidmatan pakar berkenaan, Perdana Menteri berkata, penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan mestilah nilai kebolehpasaran dan dikomersialkan ke seluruh dunia.

Ismail Sabri berkata, setakat ini Malaysia mempunyai 10 pakar yang sedang membuat penyelidikan vaksin.

Beliau meminta supaya tugas pakar berkenaan disambung lima tahun lagi dan mengkehendaki mereka supaya melatih pakar baharu.

"Dari segi jumlah keseluruhan, pakar ini kita akan mendapatkan secara terperinci jumlah berapa ramai pakar daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kerana yang saya tengok tadi adalah 10 pakar," katanya.



02 NOV, 2021

Kontrak pakar vaksin disambung



Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kajang: Kerajaan bersetuju menyambung kontrak pakar penyelidik vaksin di universiti awam (UA) selama lima tahun lagi secara serta-merta bagi yang tamat tempoh perkhidmatan, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Perdana Menteri berkata, langkah itu adalah usaha kerajaan memastikan kajian yang sedang dijalankan pakar dalam bidang berkaitan tidak terhenti separuh jalan atau disia-siakan.